

# Selesai kes tertanggung

## Usia persaraan hakim syariah dilanjut daripada 58 kepada 66 tahun

>>Oleh Iskandar Shah Mohamed

iskandar@hmetro.com.my

**S**EREMBAN: “Tujuan melanjutkan tempoh persaraan hakim mahkamah syariah daripada 58 tahun kepada 66 tahun agar prosiding berjalan lancar tanpa masalah termasuk menyelesaikan kes tertanggung berikutan kekurangan hakim.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom, berkata kerajaan juga mahu memberi peluang kepada hakim dan pengamal undang-undang baru mempelajari segala ilmu berkaitan daripada mereka yang lebih berpengalaman.

Semalam, beliau mengumumkan had umur persaraan hakim mahkamah syariah dilanjutkan kepada 66 tahun, selaras dengan hakim mahkamah sivil yang mula dikuatkuasa tahun ini.

“Seramai lapan hakim mahkamah syariah meneruskan perkhidmatan mereka sehingga had umur baru berkenaan baru-baru ini, berbanding enam Ketua Hakim Syarie dan 12 hakim mahkamah syariah sedia ada pada awal tahun ini,” katanya selepas merasmikan Seminar Syariah dan Undang-Undang Peringkat Kebangsaan di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Nilai, di sini.

Hadir sama, Ketua Hakim Syarie yang juga Ketua Pengerah Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia, Tan Sri Ibrahim Lembang; Penasihat Perundangan Syariah Jabatan Peguam Negara, Tan Sri Sheikh Ghazali Abdul Rahman dan Pengerusi Lembaga Pengerah USIM, Tan Sri Dr Mohamad Yusof Md Noor.

Dalam perkara berasingan, Jamil Khir berkata, Tabung Haji akan mengambil tindakan tegas terhadap kakitangan yang menyeleweng bagi

memastikan keselamatan wang pendeposit lebih terjamin.

“Perkara itu terbukti apabila dua kakitangan Tabung Haji di Sandakan, Sabah, yang didapati pecah amanah sebanyak RM400,000 sudah diarah mahkamah membayar semula sebahagian daripada jumlah berkenaan kepada pemilik wang terbabit, manakala baki dibayar oleh syarikat insurans.

“Jenayah yang dilakukan sememangnya licik iaitu dengan cara mengambil cap jari pemilik akaun dan berjanji bahawa wang yang dideposit mangsa dimasukkan dalam akaun sebelum mereka ini bertindak mengeluarkannya sedikit demi sedikit,” katanya.

Menurutnya, dua kakitangan berkenaan sudah dibuang kerja dan Tabung Haji akan memastikan perkara seumpama itu tidak akan berulang pada masa depan.

FOTO | Dzulkefli Mustapha



MESRA...Jamil (kiri) beramah mesra dengan peserta Seminar Syariah dan Undang-Undang Peringkat Kebangsaan di USIM, Nilai, semalam.